

19 OCT 1998

APEC-Estrada

ESTRADA HADIRI APEC DI KUALA LUMPUR

MANILA, 19 Okt (Bernama) - Presiden Joseph Estrada akan menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Kuala Lumpur, menurut seorang pegawai hari ini.

"Presiden pasti akan menghadiri Apec," kata jurucakap presiden Jerry Barican semasa memberi taklimat kepada media.

Beliau berkata Estrada mungkin mengadakan rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya pasti bahawa semasa Apec, rundingan dua hala yang dijadualkan akan dijalankan terutama dengan netara tuan rumah," kata Barican.

"Saya yakin bahawa Dr Mahathir akan menemui semua ketua delegasi," kata beliau.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Estrada menyambut baik pelawaan Dr Mahathir bagi beliau melawat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di penjara.

Beliau menyifatkannya sebagai "berita baik" dan "petanda yang positif."

"Mungkin semasa mesyuarat APEC, saya berpeluang menemui Anwar," kata Estrada.

-- BERNAMA

ALJ FAZ